



Submission date: 02/07/2019

Accepted date: 12/10/2019

BARAKAH ILMU MELALUI PENGGUNAAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI, IPAD DAN KEBERKESANANNYA

*Blessing Knowledge by the Usage of Communication Technology, Ipad and
Its Effectiveness*

Rosninawati Hussin, Suria Hani A. Rahman, Sofia Hayati Yusoff,
Rosidayu Sabran dan Fauziah Hassan
Universiti Sains Islam Malaysia

ninahussin@usim.edu.my

Abstract

iPad is a device designed through the combination of computers and tablets. The use of the iPad is widespread and it can cover all aspects of use regardless of whether it is in the office or schools or for casual activities such as playing video games and surfing the internet. This device is also a medium to gain knowledge in schools; as early as 2010, the iPad was used as a learning and teaching tool in select schools in Malaysia. This study was conducted to examine the effectiveness of iPad use among high school students through the qualitative method of semi-structural interviews. Since, this is the preliminary study, the researchers interviewed two teachers from Sekolah Menengah Imtiaz Ulul Albab, Melaka and Kolej Genius Insan, Nilai who were using iPads as part of their learning and teaching. Among questions that were asked to the respondents include their perception on the advantages and disadvantages of iPad for students, their routine in the usage of iPad during school period, and challenges of knowledge seeking using advance communication technology devices. This article is a brief information based on the preliminary findings of the research that is still ongoing. The interviewed resulted that the use of iPad in both schools made the learning become more effective and ease the interaction between teachers and students in disseminating knowledge, notes and task to the students.

Keywords: iPad, communication technology, education technology, blessing knowledge

Abstrak

iPad merupakan sebuah peranti yang direka hasil gabungan komputer dan *tablet*. Kegunaannya semakin meluas dan meliputi pelbagai urusan sama ada di pejabat dan sekolah ataupun untuk beraktiviti santai seperti bermain permainan video atau melayari internet. Peranti ini turut dijadikan medium untuk menimba ilmu di sekolah seawal tahun 2010 sebagai satu alat bantuan pembelajaran dan pengajaran di sekolah-sekolah terpilih di Malaysia. Kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan penggunaan iPad dalam kalangan pelajar sekolah menengah dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu temubual separa struktur. Oleh kerana ini adalah kajian awal, para penyelidik hanya menemubual dua orang guru dari setiap sekolah iaitu Sekolah Menengah Imtiaz Ulul Albab, Melaka dan Kolej Genius Insan, Nilai yang menggunakan iPad dalam pembelajaran dan pengajaran mereka. Antara persoalan yang akan dijawab dalam kajian ini termasuklah kebaikan dan keburukan penggunaan iPad dalam kalangan pelajar, rutin penggunaan iPad dalam pembelajaran dan pengajaran sepanjang waktu sekolah, dan cabaran menimba ilmu barakah dengan peranti teknologi komunikasi yang terkini. Artikel ini merupakan ringkasan hasil dapatan awal kajian yang masih sedang berjalan. Hasil temubual awal menunjukkan penggunaan iPad di kedua buah sekolah ini menjadikan pembelajaran lebih efektif dan memudahkan guru-guru berinteraksi untuk menyampaikan maklumat, nota dan tugas kepada semua murid.

Kata Kunci: iPad, teknologi komunikasi, teknologi pendidikan, ilmu barakah

PENDAHULUAN

Konsep ilmu di dalam Islam merangkumi ilmu rohani dan ilmu yang berasaskan pancaindera dan pemerhatian logika. Islam juga memberi penekanan ke atas ilmu yang bermanfaat di mana ilmu tersebut mampu membawa manusia kepada aplikasi sumber alam semesta bagi tujuan kebaikan. Konsep ilmu seperti ini banyak digambarkan di dalam kitab suci al-Quran yang mana setiap hamba Allah dipertanggungjawabkan untuk menggunapakai semua ilmu dunia dan akhirat bagi tujuan kebaikan dan kemajuan kehidupan di dunia begitu juga kehidupan di akhirat (Kamali, 2013). Doktrin kepada konsep ilmu sebegini adalah merupakan konsep yang harus menjadi pegangan semua institusi pendidikan berlatarbelakangkan budaya Islam bagi memastikan keberkatan dalam menuntut dan mengaplikasi ilmu. Di sinilah konsep barakah bakal mewarnai kehidupan warga pendidik, pelajar mahupun pentadbir sesebuah institusi pendidikan hasil daripada pengamalan konsep ilmu mengikut perspektif Islam.

Menimba ilmu adalah satu usaha yang tiada penghujungnya. Ilmu sangat penting untuk kelangsungan hidup manusia. Tanpa ilmu, kehidupan manusia tidak sempurna, kerana ilmu juga manusia lebih diunggulkan daripada malaikat sehingga manusia yang dipilih menjadi khalifah di muka bumi. Menuntut ilmu juga tiada penghujungnya dan tidak ada had umur untuk seseorang itu belajar. Selagi ilmu itu bermanfaat, maka manusia dituntut untuk mencari dan memperolehnya dengan segala upaya yang dimiliki tanpa ada sempadan jarak dan waktu. Malah, ada beberapa hadis mengenai menuntut ilmu, antaranya yang diriwayatkan oleh Muslim yang bermaksud “Barangsiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan untuk ke syurga. Tidaklah satu kumpulan berkumpul di dalam sebuah rumah di antara rumah-rumah Allah, membaca kitab Allah (al-Qur’an) dan mempelajarinya sesama mereka melainkan akan turun kepada mereka sakinah (ketenangan), diliputi ke atas mereka rahmat dan dinaungi oleh malaikat serta Allah swt akan menyebut mereka pada malaikat yang berada di sisi-Nya” serta ‘menuntut ilmu wajib hukumnya bagi muslim, lelaki dan wanita’, dan ‘tuntutlah ilmu dari masa buaian sampai liang lahat’ (Baso Hasyim, 2013). Imam Syafie RA menggariskan enam bekal dalam usaha menuntut ilmu yang barakah iaitu kecerdasan, semangat, kesungguhan, berkecukupan, belajar dengan guru dan masa belajar (Nik Murshidah, Najihah, Nooreliza, Khazri, Nik Muniyati, 2018).

Oleh itu, dapat dilihat usaha beberapa sekolah di Malaysia yang menggunakan teknologi sebagai alat bantuan mengajar dalam pembelajaran dan pengajaran membuka satu pespektif yang positif dalam membekalkan ilmu barakah kepada pelajar-pelajar sebagaimana yang dinyatakan oleh Iman Shafie rahimahullah. Seiring dengan era pada abad 21, perkembangan teknologi yang semakin nyata tidak lagi menjadi sempadan dalam komunikasi antara manusia di dunia ini. Teknologi komunikasi merupakan medium yang mawadahi alat-alat elektronik yang digunakan dalam proses penyampaian informasi. Teknologi komunikasi ini juga berkait dengan cara menggunakan teknologi sebagai alat bantu dalam komunikasi atau proses penyampaian maklumat dari satu peringkat ke peringkat yang lain (Wan Idros, Noorzihidayah, Ali & Maizatul Haizan, 2017).

Peranti teknologi komunikasi seperti iPad yang digunakan dalam pendidikan memberi peranan yang bermakna dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Keberkesanan iPad dikaji sebagai satu medium yang efektif kepada para pelajar sekolah dalam menimba ilmu pengetahuan. iPad dikatakan sebagai sebuah peranti yang memudahkan pengajaran dan pembelajaran seperti menarik minat pelajar untuk menumpukan perhatian kepada pembelajaran, memudahkan pembelajaran itu sendiri dalam kalangan pelajar seperti untuk pencarian maklumat, menjadikan pembelajaran lebih interaktif dan efektif serta memudahkan skil mengajar para guru dengan bantuan iPad (Hui, 2016; Hendrson & Yeow, 2012). Walau pun terdapat beberapa

kajian lepas yang menyangkal kelebihan iPad ini (Donker, Petrie, Proudfoot, Clarke, Birch & Christensen, 2013; Salmah & Malisah, 2015), namun kelebihan dan penggunaan iPad dari sudut positif masih memperkuatkan alasan kenapa iPad dipilih untuk kegunaan pelajar-pelajar di sekolah untuk menimba ilmu.

PENGGUNAAN iPad DALAM PENDIDIKAN DI SEKOLAH

Dalam perkembangan Revolusi Industri 4.0, teknologi komunikasi mencetuskan fenomena yang melangkaui sempadan dan waktu. Tidak dinafikan dengan teretusnya Revolusi Industri ini, ia memberi kesan secara langsung dalam bidang pendidikan yang mula mengaplikasikan sistem pintar (Chung & Kim, 2016). Sistem pintar yang teretus daripada Revolusi Industri 4.0 membantu meningkatkan teknik mengajar guru-guru di sekolah, memandangkan kecerdasan dan kepintaran pelajar yang terdedah dengan pelbagai cabaran dalam era teknologi inilah yang mendorong pembelajaran mudah alih (Crompton, 2013).

Penggunaan iPad yang semakin popular di dalam bilik darjah dilihat sebagai satu potensi teknologi untuk pendidikan yang memotivasi pelajar untuk belajar. Beberapa kajian telah pun dijalankan mengenai penggunaan iPad di sekolah menunjukkan kesan positif dalam memberi semangat kepada pelajar-pelajar serta satu pengalaman yang positif bagi guru dan pelajar tetapi ia juga mempunyai kesan negatif kepada pelajar (Donker. et al., 2013).

Henderson and Yeow (2012) melihat iPad sebagai satu peranti mudah alih yang memudahkan. Saiznya yang sama seperti saiz buku, ringan, mudah alih, boleh akses wifi di mana sahaja, jangka hayat bateri lebih lama dari komputer riba, kurang masalah teknikal dan skrin sentuh merupakan kelebihan peranti ini bagi menggantikan buku yang lebih tebal (Milrad & Spikol, 2007; Henderson & Yeow, 2012). Hui (2016) juga melihat iPad dapat memupuk minat dan kesungguhan dalam kalangan pelajar terutamanya ketika perbincangan sesama rakan diadakan dalam kelas, penglibatan dalam pembelajaran dan kesungguhan menyediakan tugas.

Menurut Imam Shafie, dalam menuntut ilmu, penuntut ilmu perlu mencurahkan segala kemampuan yang ada baik dari segi material mahupun apa sahaja yang dimiliki hingga tercapai objektif dalam menuntut ilmu (Nik Murshidah et al., 2018). Dengan menyediakan satu medium terkini dan memudahkan lagi pembelajaran dan pengajaran, iPad bukan sahaja menarik minat pelajar untuk belajar tetapi ia memudahkan para guru dalam mencurahkan ilmu mereka (Muhammad Heriyudanta, 2016). Muhammad Heriyudanta (2016) yang turut mengakui dalam bidang pendidikan, pihak sekolah sedayanya cuba menyediakan kemudahan yang mencukupi yang disokong oleh kecanggihan sains dan teknologi untuk melahirkan

pelajar yang berdaya saing serta memiliki penguasaan pengetahuan dan kemahiran tinggi selari dengan arus pemodenan.

Namun, walau bagaimana canggih pun medium yang digunakan dalam pembelajaran, peranan guru dalam pendidikan tiada galang gantinya. Peranan guru dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21 sangat penting dalam mewujudkan masa depan anak bangsa yang lebih baik (Siti Zubaidah, 2016). Guru pada era ini tidak lagi berperanan sebagai rujukan utama, Sutan Saribumi (2016) menegaskan peranan guru lebih luas meliputi sebagai pemudahcara, tambahan pula pada era digital yang pembelajaran berasas *blended learning* yang menggabungkan pembelajaran secara atas talian dan memerlukan peranti sebagai medium perantara.

Pembelajaran *blended learning* ini merupakan satu proses pembelajaran yang efektif dan efisien. Sistem pembelajaran ini lebih terbuka dan masa pelajar yang diperuntukkan untuk belajar juga lebih anjal dan fleksibel (Hargis, Cavanaugh, Kamali & Soto, 2014; Hui, 2016). Rano Kurniawan et al. (2012) menekankan kelebihan pembelajaran *blended learning* dengan iPad adalah merupakan pembelajaran atas talian yang boleh dilakukan di mana saja dan pada bila-bila masa. Pembelajaran atas talian ini mendidik pelajar untuk lebih berdikari dengan melakukan penyelidikan mengikut masa sendiri. Kaedah ini juga menjadikan seseorang pelajar itu lebih berkeyakinan diri dan meningkatkan produktiviti melalui iPad sebagai penyeragaman kaedah pembelajaran *blended learning*. Chou, Block dan Jesness (2012) turut mengakui penggunaan iPad memberi masa yang lebih kepada pelajar untuk membuat tugas, mendidik mereka menjadi lebih berdikari dan waktu belajar dalam kelas disingkatkan untuk pelajar membuat tugas sendiri.

Maka, penggunaan iPad ini juga mengajar pelajar-pelajar sekolah lebih positif bertindakbalas dengan teknologi. Mereka menjadi lebih mahir dalam menguruskan masa pembelajaran mereka sendiri dan penglibatan mereka dalam setiap mata pelajaran lebih efektif. Guru hanya sebagai fasilitator yang memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran berlaku. Bukan sahaja pelajar, dengan menggunakan iPad, para guru juga menjadi lebih kreatif dalam membina kandungan pembelajaran kepada pelajar-pelajar (Hargis, et al., 2014; Hui, 2016).

METODOLOGI KAJIAN

Dalam usaha membuktikan iPad memberi kesan yang positif kepada pembelajaran dan pengajaran pelajar sekolah, kajian ini telah dilaksanakan dengan menjalankan kajian lapangan di dua buah sekolah iaitu di Sekolah Imtiaz Ulul Albab, Melaka dan Kolej Genius Insan di Negeri Sembilan. Pengkaji menjalankan kajian kualitatif dengan menemubual guru dari dua sekolah tersebut. Memandangkan ini merupakan satu kajian awal, hanya seorang guru dipilih dari setiap sekolah. Guru berkenaan merupakan guru yang menyelaraskan penggunaan iPad di sekolah dan pada masa

yang sama menggunakan iPad semaksimumnya dalam pembelajaran dan pengajaran matapelajaran yang diamanahkan kepada mereka. Soalan temubual berkisar kepada cara guru dan pelajar menerima pakai iPad dalam kelas semasa belajar, cabaran menggunakan peranti berteknologi dalam pembelajaran dan pengajaran dan melihat kebaikan dan keburukan iPad kepada proses pembelajaran pelajar-pelajar di sekolah.

Kajian penggunaan teknologi komunikasi, iaitu iPad dijalankan di sekolah menengah untuk melihat keberkesanan penggunaannya dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah yang berumur antara 13-17 tahun. Namun, untuk kajian awal ini, pengkaji hanya menemubual guru dari sekolah yang terpilih untuk melihat bagaimana implimentasi penggunaan iPad dilaksanakan di peringkat pendidik. Hanya seorang guru sahaja dipilih dari setiap sekolah yang dikaji ditemubual, kerana penyelidik yakin untuk dapatan awal ini, data ini memadai dalam melihat gambaran keseluruhan pelaksanaan iPad di sekolah. Guru yang dipilih merupakan guru penyelaras Program iPad di sekolah berkenaan dan juga merupakan guru yang paling banyak melaksanakan pembelajaran *blended learning* dalam matapelajaran yang diajarnya.

Pemilihan guru daripada kedua-dua sekolah ini juga adalah berdasarkan pelaksanaan sekolah dalam mengimplimentasikan penggunaan iPad sepenuhnya dalam sesi pembelajaran dan pengajaran. Responden 1, dari Sekolah Menengah Imtiaz Ulul Albab Melaka, yang merupakan sebuah sekolah yang menggabungkan silibus tahfiz dan akademik, telah mengamalkan penggunaan iPad dalam pembelajaran dan pengajaran dari bulan Jun 2018. Sebelum itu, penggunaan iPad ini belum digunakan lagi di sekolah ini. Namun, selari dengan era pada abad 21 ini dan untuk menyahut cabaran Revolusi Industri 4.0, sekolah ini telah mempunyai perancangan dalam halatuju pendidikan sekolah untuk tahun 2019, yang meletakkan sasaran penggunaan iPad 100% dalam pembelajaran dan pengajaran yang melibatkan guru dan pelajar. Di Sekolah Imtiaz Melaka ini, pengurusan tertinggi sekolah telahsepakat untuk tidak menggunakan buku teks secara fizikal mulai tahun 2019, kerana semua buku teks mereka peroleh daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam bentuk PDF atau *e-book*. Setiap pelajar di sekolah ini wajib membeli iPad sendiri dan skim pembayaran ansuran turut dilaksanakan untuk meringankan beban ibubapa.

Manakala Responden 2, dari Kolej Genius Insan (KGI) yang terletak dalam kampus Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai. Kolej ini juga menyediakan pendidikan di peringkat menengah untuk pelajar yang terpilih kerana bakat dan IQ yang tinggi. KGI mula menerima kumpulan pertama pelajar pada tahun 2014 dan kini telah mempunyai empat kohort, Setiap kohort dibekalkan iPad secara percuma kepada setiap pelajar. Selaras dengan objektif utama sekolah ini yang mahu menyediakan

melaksanakan kaedah pembelajaran yang berbentuk tumpuan pelajar (*student-centred*), *experiential learning*, *problem-based learning* dan *blended learning*, pelaksanaan iPad telah dimulakan seawal penubuhan kolej ini. Sekolah ini juga beriltizam untuk melahirkan individu yang berkebolehan tinggi memahami, mentafsir, menghafaz dan mengaplikasi al-Quran dan al-Sunnah dalam kehidupan serta mampu membangunkan tradisi keilmuan Islam dan mencetuskan kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi.

Responden 1 merupakan seorang guru perempuan. Beliau merupakan guru yang bertanggungjawab dalam Program iPad di Sekolah Menengah Imtiaz Ulul Albab Melaka. Mata pelajaran yang diajar ialah Sejarah dan beliau telah melaksanakan penggunaan iPad dalam pembelajaran dan pengajaran subjek beliau sendiri. Manakala, Responden 2 seorang pensyarah lelaki di KGI. Beliau direkomen oleh pihak sekolah kepada pengkaji kerana keaktifan beliau melaksanakan program *blended learning* dalam mata pelajaran Bahasa Arab yang diajarnya. Menurut kedua-dua orang guru ini, sebelum melaksanakan penggunaan iPad dalam pembelajaran mereka, semua guru di sekolah masing-masing telah menerima latihan penggunaan iPad untuk pendidikan daripada Apple Malaysia. Malah, pelajar-pelajar KGI juga turut diberi kursus khas oleh pihak Apple Malaysia tentang penggunaan iPad dalam pendidikan.

Masa yang diperuntukkan dalam sesi temubual separa struktur ini ialah lebih kurang satu jam. Responden bebas bercerita tentang pengalaman masing-masing dengan iPad berdasarkan soalan-soalan yang ditanya oleh penyelidik. Penyelidik sentiasa memastikan jawapan yang diberi selari dengan objektif dan persoalan kajian ini. Analisis bertema digunakan untuk menganalisa setiap data yang diperolehi.

KEBERKESANAN IPAD DALAM PENDIDIKAN DI SEKOLAH

iPad adalah gabungan *tablet* dan komputer yang mempunyai kelebihan dalam bidang pendidikan. Walaupun penggunaan iPad lebih terbuka dan santai namun Unit Pendidikan Apple telah membangunkan beribu-ribu aplikasi pendidikan untuk pelbagai lapisan umur dan peringkat. Maka, pemilihan iPad dalam pendidikan ini sangat efektif memandangkan aplikasi-aplikasi ini signifikan dalam pembelajaran dan pengajaran dalam kelas. Hargis et al. (2014) melihat iPad sebagai satu platform pembelajaran yang sesuai digunakan dalam subjek Bahasa Inggeris dan mata pelajaran lain yang diajar di sekolah-sekolah.

Menurut Henderson dan Yeow (2012), iPad adalah alat tambahan yang sesuai dalam pembelajaran kanak-kanak kerana ciri-cirinya yang ringan, mesra pengguna dan mudah alih. Pelajar dari kalangan kanak-kanak akan mudah tertarik dengan alat tambahan ini yang dapat merangsang minda mereka dan sekaligus menarik minat mereka dalam pembelajaran. Selain daripada menyahut cabaran kemajuan abad ke-

21, Responden 1 menerangkan iPad juga mampu melahirkan pelajar yang berfikir aras tinggi pada tahap pembelajaran mereka. Keupayaan pelajar dapat diukur bukan sahaja pada tahap pemahaman dan mengenali topik dalam silibus, malah pelajar boleh diukur sehingga ke tahap menganalisis, meneroka dan merekacipta. Menurut Responden 2, adalah lebih mudah untuk beliau seorang guru menyampaikan bahan pengajaran kepada pelajar dengan menggunakan alat tambahan yakni peranti pintar, iPad. Menurut beliau lagi, pelajar yang lahir dalam kalangan Generasi Z, memang gemar kepada peranti pintar, dan apabila peranti ini digunakan dalam pembelajaran, ia menjadi lebih efektif.

Pada saya sangat efektif dan berkesan guna iPad sebab pelajar-pekajar kita sangat mahir dalam bidang ICT, dalam smart device. So, sekarang ni bila dia (pelajar) suka guna device ini, so, saya guna apa yang dia suka, untuk sampaikan apa yang saya suka. (Responden 2)

Apa yang cuba disampaikan oleh Responden 2 ini, berkait dengan partisipasi atau peningkatan penglibatan pelajar dalam kelas atau dalam perbincangan yang dianjurkan oleh guru. Penggunaan iPad mampu menggalakkan pelajar terlibat dalam pembelajaran secara kognitif dan berkesan dengan melibatkan tingkah laku yang positif sepanjang tempoh pembelajaran (Hui, 2016). Hui (2016) turut menyorot dapatan daripada kajiannya yang melihat penggunaan iPad meningkatkan penglibatan pelajar dalam sebarang aktiviti yang berkait dengan kerja berkumpulan, perbincangan dalam kelas dan menghasilkan aktiviti yang berasaskan *student-centred*. Kebolehan pelajar meneroka juga sangat terserlah apabila mereka mencuba sendiri aplikasi-aplikasi yang disediakan oleh Apple dalam iPad. iMovie merupakan aplikasi yang paling digemari oleh pelajar-pelajar di KGI kerana aplikasi ini menghasilkan video yang pelajar guna untuk membenteng hasil kajian atau perbincangan mereka dalam kelas.

Dahulu, dalam memastikan pelajar faham apa diajar, pelajar diberi latihan—dengan menjawab soalan biasa je kan, tapi dengan menggunakan iPad, pelajar menyelesaikan soalan dengan lebih kreatif lagi, contoh guna Keynote dan tambah suara, gambar, video dan pelbagai lagi elemen presentasi yang dapat diutilisasi seperti Garageband, (dan) Sketches. (Responden 1)

...Sekarang ni saya suruh pelajar guna iMovie. iMovie ni lebih kurang macam Microsoft Movie, so mereka (pelajar) boleh buat video lepas tu masuk animation ni semua, pelajar memang suka benda ni... dia (pelajar) shoot sendiri, then dia masukkan dalam iPad atau laptop, boleh edit, then masuk ke iMovie boleh tambah efek macam muzik, slides... (Responden 2)

Daripada aktiviti yang ditugaskan kepada para pelajar, jelas menunjukkan pelajar-pelajar ini begitu bersungguh-sungguh menyiapkan arahan guru mereka. Inilah yang Responden 1 tegaskan bahawa, penggunaan iPad begitu efektif dalam pembelajaran dan pengajaran, contohnya, untuk mata pelajaran Sejarah. Penggunaan iPad dalam Sejarah sangat berkesan berbanding pembelajaran tradisional menggunakan buku. Dengan aplikasi yang ada dalam iPad, menjadikan belajar Sejarah lebih menarik dan interaktif berbanding penggunaan buku yang hanya melibatkan komunikasi sehalu sahaja. Berdasarkan dapatan kajian Mohd Paris dan Saedah (2016), mereka bersetuju dengan penggunaan peranti sebagai medan sokongan pengajaran untuk mengatasi kelemahan dalam kaedah inkuiri agar mata pelajaran Sejarah peringkat menengah menjadi lebih menarik dan berkembang seiring dengan perkembangan teknologi mudah alih terkini.

Manakala, pembelajaran *blended learning* amat diperlukan untuk belajar subjek bahasa. Bantuan alat tambahan dalam pembelajaran dan pengajaran seperti iPad dan kandungan atas talian adalah dua gabungan yang berkesan dalam pendidikan bahasa (Mohd Firdaus, Muhammad Sabri & Mohd Sharizal, 2013). Menurut Responden 2, mempelajari Bahasa Arab agak berat terutamanya untuk pelajar yang bukan terdiri daripada penutur jati.

Saya ajar mereka (pelajar) bahasa Arab, subjek bahasa ini antara subjek yang berat sikit, so sekarang ni, bila ada iPad saya suruh belajar (seperti) kelas terbuka, nak pergi mana-mana tiada masalah, kecuali (bila bagi) reading assignment—awak (pelajar) baca, rekod, hantar kepada saya. Buat video, hantar kepada saya. Jadi sangat berkesan (iPad ini) kepada saya (untuk) subjek Bahasa Arab. (Responden 2)

Penggunaan peranti seperti iPad dalam mengakses segala aktiviti pembelajaran dan pengajaran tidak menggantikan peranan guru yang mencurahkan ilmu kepada pelajar-pelajar. Menurut Hui (2016), guru tetap menjadi sebagai sumber rujukan utama pelajar. Tugas guru hanya sebagai pemudahcara dan sumber untuk mengesahkan maklumat yang diperolehi pelajar dari alam maya.

Guru sebagai pemudahcara, fasiitator. Contoh minta pelajar buka website tertentu sahaja, yang cerita tentang maklumat tertentu, so pelajar akan go through maklumat tersebut, jadinya pelajar meneroka sendiri maklumat baharu tersebut. Di akhir perbincangan barulah guru airdrop nota (slides). Pelajar akan mendapat pengukuhan ilmu sendiri. (Responden 1)

Saya sebagai pensyarah kira macam Supervisor only atau saya tengok pelajar study, apa-apa dia (pelajar) boleh tanya saya melalui juga iMessage (yg ada pada produk Apple), kemudian kita bincang dalam kelas, masa mereka buat presentation, apa-apa yang tak jelas, (boleh) tanya saya. (Responden 2)

Namun, Henderson dan Yeow (2012) merasakan, dengan penggunaan iPad, guru tidak mempunyai kawalan sepenuhnya kepada pelajar. Pelajar mungkin akan menggunakan iPad untuk sesuatu yang tidak berkait dengan aktiviti pembelajaran dalam kelas. Kerisauan juga timbul sekiranya pelajar memanipulasi penggunaan iPad seperti bermain permainan video ketika belajar dan membuka laman web yang tidak sepatutnya. Ini adalah antara cabaran yang guru-guru harus peka ketika mengajar dalam kelas. Guru harus bijak memantau penggunaan iPad dalam kalangan pelajar. Dalam usaha memastikan pelajar tidak hilang fokus semasa di dalam kelas dengan iPad ia bergantung kepada arahan yang jelas dari guru itu sendiri ketika mengajar. Kalau arahan pengajaran guru itu jelas, Responden 1 merasakan pelajar tidak akan ada masalah dan tidak akan hilang fokus, malah pelajar akan lebih berinteraksi dan teruja hendak membuat tugas dan ternanti-nanti arahan seterusnya. Oleh itu, kalau guru sendiri tidak pandai menghasilkan satu soalan yang pelajar itu tertarik, itu yang buat pelajar tu akan hilang fokus dalam kelas.

Tidak terkecuali di sekolah ini, pelajar curi-curi buka apps lain ketika sedang belajar dalam kelas, tetapi guru kena pandai mengawal kelas. Peranan guru dan kawalan kelas. Bila arahan diberi untuk sesuatu apps, guru perlu pantaulah yang semua pelajar buka apps yang sama dan untuk mengatasi masalah ni, kita akan menggunakan satu Software iaitu Zuludesk. (Responden1)

Saya hadkan time, ok, pelajar sekarang ni tutup iPad letak dekat rak. So, saya jamin dia tak guna (semasa guru mengajar di depan). (Responden 2)

Dalam menuntut ilmu, setiap pelajar dituntut untuk menumpukan sepenuh perhatian kepada apa yang dipelajarinya (Nik Murshidah et al., 2018). Ada yang sanggup berhabis wang dan tenaga dalam usaha memastikan ilmu yang dikehendaki dapat dikuasai (Muhammad Heriyudanta, 2016). Peranan sekolah-sekolah tertentu di Malaysia yang sanggup melabur membelikan peranti berteknologi seperti iPad untuk kegunaan pelajar-pelajarnya harus dipuji. Bagi Kolej Genius Insan (KGI), iPad yang diterima pelajar merupakan subsidi kerajaan kepada pelajar-pelajar terpilih ini. Namun atas kengkangan beberapa isu yang timbul, iPad tidak dapat dibekalkan lagi kepada kohort Aras 1 tahun 2018. Walau bagaimanapun, pihak sekolah telah

menyediakan sebanyak 35 unit iPad yang boleh dipinjam pelajar untuk kegunaan pembelajaran mereka. Malah, makmal komputer juga disediakan untuk pelajar-pelajar sekolah ini guna pada bila-bila masa.

Tujuan utama penggunaan peranti berteknologi di sekolah adalah untuk membantu sistem pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas. Ia juga dilihat untuk meningkatkan prestasi pelajaran pelajar. Kajian Hui (2016) yang dijalankan dalam masa yang panjang iaitu selama tiga tahun melihat ada peningkatan dari segi prestasi akademik untuk pelajar yang menggunakan iPad dalam pembelajaran mereka berbanding yang tidak menggunakan peranti ini. Namun, dapatan kajian yang dijalankan oleh Hui (2016) tidak selari dengan kajian Henderson dan Yeow (2012). Kajian yang dijalankan oleh Henderson dan Yeow (2012) menunjukkan iPad atau mana-mana peranti teknologi tidak membantu dalam peningkatan prestasi akademik. Jika ada, tidaklah begitu ketara. Dalam kajian ini, penyelidik mendapat respon yang hampir sama mengenai peningkatan prestasi pelajar dalam pembelajaran daripada dua responden yang ditemubual.

Dalam peningkatan prestasi akademik, saya boleh bahagikan kepada tiga bahagian. Yang pertama, dari segi akademik, ada perubahan tapi tak sangat tinggi. Maksudnya, pelajar (yang belajar) daripada masa tradisi dan masa iPad, iPad lebih bagus. Yang kedua, dari segi tugas, sangat jauh. Sampai kalau dulu saya suruh buat assignment, diorang (pelajar) tak buat, sampai saya sangat kecewa. Akhirnya bila ada iPad, dia (pelajar) buat. Dan yang ketiga, pelajar seronok atau tidak (belajar dalam kelas) – sekarang ni (zaman iPad) dalam kelas... saya tak perlu kejut orang (pelajar) yang ngantuk, saya tak perlu tegur orang (pelajar) yang bercakap dengan kawan dia, sebab semua sibuk dengan kerja. (Responden 2)

Tidak ketara lagi kerana pelaksanaan iPad masih baru, belum setahun (di sekolah ini). Perkembangan akademik belum nampak tetapi dapat dinilai perkembangan kreativiti (daripada tugas) jelas ketara. (Responden 1)

Penggunaan iPad hanyalah sebagai satu peranti teknologi komunikasi. Peranti ini digunakan untuk mengakses kandungan silibus pembelajaran yang selalunya disediakan guru-guru terlebih dahulu. Gabungan peranti dan kandungan ini dalam pembelajaran dipanggil *blended learning* atau *eLearning* (Sutan Saribumi, 2016). Amalan *blended learning* ini memudahkan sistem pembelajaran, yang mana, kelas tidak semestinya lokasi untuk mendapatkan ilmu (bilik darjah) (Hargis, et al., 2014). Sekiranya guru telah menyediakan kandungan pembelajaran *blended learning* dan dengan adanya peranti teknologi seperti *tablet*, komputer atau iPad, pelajar bebas

berada di mana-mana untuk menyelesaikan tugas yang diberi. Ini juga satu alternatif untuk guru yang perlu masuk kelas dan menghadiri mesyuarat atau menjalankan kajian pada masa yang sama.

Sekarang ni saya boleh buat research, di Permata Insan, kita kena capai KPI (key performance index) guru dan KPI pensyarah. Sekarang ni saya kena tanggungjawab kpd KPM dan KPT. So, ini perlu banyak masa. Bila saya guna iPad, sekarang ni bila saya guna Flip Classroom (blended learning), so pelajar buat kerja di luar kelas, so, saya tak perlu (ada). Macam saya ada satu minggu, tiga kelas, kadang-kadang saya masuk satu kelas, cukup. Sebab apa, sebab saya bagi (kerja) dalam iTunes U, saya bagi kerja satu minggu. OK, bila saya bagi kerja satu minggu sekarang ni, pelajar saya boleh/dia ada ruang buat kerja, semasa dia buat kerja, saya buat research saya, contoh. Bermakna ini iPad beri kepada kita masa luas. (Responden 2)

Ini istimewanya Apple, mereka ada satu department develop bahagian education untuk pembangunan (apps) untuk pelajar-pelajar dan cikgu-cikgu di sekolah. Dia akan bantu kita dari segi penggunaan beberapa apps untuk mengajar macam mana, ok contoh dari iTuneU macam RPH (di sekolah yang ada objektif dan lain-lain). Dan kegunaan iTuneU ni, dia senang (memudahkan) interact dengan budak, boleh chat, tugas/assignment – diorang (pelajar) boleh masuk dengan guna kod, then budak boleh terus buat, then terus hantar tugas dan cikgu boleh semak (dalam iTuneU). iTune U ni kita boleh bagi frametime, ok you boleh jawab sampai sekian, sekian masa, then you hantar assignment, then kita boleh tengok pelajar mana yang hantar assignment ataupun tidak. (Responden 1)

Perkembangan teknologi sememangnya memudahkan manusia dalam urusan harian. Tujuan utama penciptaan teknologi adalah untuk memudahkan komunikasi antara manusia. Maka, iPad sebagai salah satu peranti teknologi komunikasi terbukti memudahkan penyebaran ilmu antara guru dan murid-muridnya dalam pembelajaran dan pengajaran di sekolah (Hui, 2016; Hendrson & Yeow, 2012). Ilmu yang barakah ditimba pelajar dengan cara yang berhemah pastinya berguna dan bermanfaat.

KESIMPULAN

Tidak dapat dinafikan kemajuan teknologi dan komunikasi sememangnya membawa kebaikan kepada kehidupan kita. Kewujudan teknologi di hujung jari ini sedikit sebanyak telah membantu dalam kehidupan terutamanya dalam penyebaran

maklumat kepada masyarakat. Namun, penggunaan teknologi ini mempunyai kebaikan dan keburukan. Di sebalik keburukan yang disenaraikan seperti pelajar hilang fokus dalam pelajaran, kita harus memandang perkara dari sudut yang positif, jadi, dengan melihat kepada senarai kelebihan, ini bagus untuk memajukan diri dan membawa perubahan yang positif kepada bangsa dan negara.

Akhir sekali, kesimpulan awal yang dapat dirumuskan mengenai iPad di sekolah ini ialah ia merupakan peranti yang efektif dalam pembelajaran dan pengajaran pelajar-pelajar di sekolah menengah. iPad ternyata efektif sebagai medium perantara antara guru dan pelajar dalam penyampaian ilmu, tugas dan maklumat. Oleh itu, perkembangan teknologi bukanlah satu halangan dalam menyampaikan ilmu barakah kepada pelajar sekolah.

RUJUKAN

- Baso H. (2013). Islam dan ilmu pengetahuan: Pengaruh temuan sains terhadap perubahan Islam. *Jurnal Dakwah Tabligh*, 14(1) Jun 2013, 127-139.
- Chou, C. C., Block, L., & Jesness, R. (2012). A case study of mobile learning pilot project in K-12 schools. *Journal of Educational Technology Development and Exchange*, 5(2), 11–26.
- Chung, M. & Kim, J. (2016). The Internet Information and Technology Research Directions Based on the Fourth Industrial Revolution. *KSII Transactions on Internet and Information Systems*, 10(3) Mar. 2016, 1311-1320.
- Crompton. H. (2013). A Historical Overview of M-Learning: Toward Learner-Centered Education in Z. L. Berge & L. Y. Muilenburg (Eds.), *Handbook of mobile learning*. (pp. 3-14). New York: Routledge.
- Donker, T., Petrie, K., Proudfoot, J., Clarke, Birch, M-R., & Christensen, H. (2013). Smartphones for smarter delivery of mental health programs: A systematic review. *Journal of Medical Internet Research*, 15(11) Nov 2013, e247.
- Hargis, J., Cavanaugh, C., Kamali, T. & Soto, M. (2014). A federal higher education iPad mobile learning initiative: Triangulation of data to determine early effectiveness. *Innovative Higher Education*, 39(1), 45-57.
- Henderson, S. & Yeow, J. (2012). *A case study of iPad adoption and use in a primary school*. Paper presented at the 45th Hawaii International Conference on System Sciences, USA. Retrieved from <https://www.computer.org/csdl/proceedings/hicss/2012/4525/00/4525a078.pdf>.
- Hui, Y. T. (2016). Longitudinal study on impact of iPad use on teaching and learning. *Cogent Education* 3, 1-22.
- Kamali, M. H. (2003). Islam, rationality and science. *Islam and Science*, 1(1), 115-134.

- Milrad, M., & Spikol, D. (2007). Anytime, anywhere learning supported by smart phones: Experiences and results from the MUSIS project. *Educational Technology & Society*, 10(4), 62-70.
- Mohd Firdaus, Y., Muhammad Sabri & Mohd Shahrizal N. (2013). Pembangunan laman web EZ-Arabic sebagai alternatif pembelajaran maya Bahasa Arab bagi pelajar sekolah rendah Malaysia. *Jurnal Teknologi (Sains dan Kejuruteraan)*, 1(7), 11-18.
- Mohd Paris S. & Saedah S., (2016). Analisis keperluan pembangunan model pengajaran M-Pembelajaran mata pelajaran Sejarah sekolah menengah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(4), (Oktober 2016), 12-24.
- Muhammad Heriyudanta (2016). Modernisasi Pendidikan Pesantren Perspektif Azyumardi Azra. *Mudarrisa, Jurnal Kajian Pendidikan Islam*. 8(1), Jun 2016, 145-172, DOI: 10.18326/mudarrisa.v8i1.145-172
- Nik Murshidah, N. D., Najihah, A. W., Nooreliza, A. R., Khazri, O. Nik Muniyati, N. D. (2018) *Long-life learning concept by Imam Al-Shafie: Memahami konsep pembelajaran sepanjang hayat melalui Diwan Al-Shafie. Malaysian Journal For Islamic Studies*. Jilid 2, 83-90.
- Rano K., Henderi, & Fitria, N. (2012). *Penggunaan iPad mendukung pembelajaran pada mahasiswa iLearning*. Retrieved from <http://fitria.ilearning.me/wp-content/uploads/sites/908/2014/02/Penggunaan-iPad-Mendukung-Pembelajaran-pada-Mahasiswa-iLearning.pdf>.
- Salmah, O, & Malisah, L.(2015). *Pengaruh peranti teknologi kepada perkembangan sosial dan permasalahan kesihatan kanak-kanak*. Retrieved from https://www.researchgate.net/profile/Salmah_Omar2/publication/306256070
- Siti Zubaidah (2016). *Keterampilan Abad ke 21: Keterampilan yang Diajarkan melalui Pembelajaran*. Makalah disampaikan pada Seminar Nasional dengan Tema Isu-Isu Strategis Pembelajaran MIPA Abad 21 di STKIP Perdana Katulistiwa Sintang, Sintang, 9 Desember 2016.
- Sutan S. P. (2016). *Blended learning sebagai strategi pembelajaran di era digital. Prosiding Temu Ilmiah Nasional Guru (Ting) Viii: 227-237*.
- Wan Idros W. S., Noorzihidayah M.N, Ali, S. & Maizatul Hazan, M. (2017). Pengaruh teknologi komunikasi terhadap perubahan keorganisasian di Jabatan Penyiaran Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(1), 110-128.